

28 NOV 1998

Koh-Negara

RAKYAT PERLU FAHAMI SISTEM PEMERINTAHAN NEGARA

PULAU PINANG, 28 Nov (Bernama) -- Rakyat perlu menunjukkan rasa cinta kepada negara dan menyokong sistem demokrasi yang telah diamalkan sejak 41 tahun lalu dengan penuh keyakinan, kata Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Beliau berkata, melalui cara ini sahaja mereka dapat membantu kerajaan dan negara terus mantap dan mampu berjuang untuk mencapai status negara maju seperti yang tercatat dalam matlamat Wawasan 2020.

Katanya, banyak usaha telah dilakukan oleh orang asing untuk menghancurkan negara dan rakyatnya tetapi rakyat Malaysia dapat membuktikan kepada mereka bahawa perbezaan antara kaum, budaya, agama dan bahasa tidak menjejaskan perpaduan di negara ini.

Ketika melancarkan majlis Cetusan Rasa Untuk Malaysia di sebuah pusat membeli-belah di sini, beliau berkata, rakyat tidak harus terpengaruh dengan percubaan golongan itu yang mahu melihat keruntuhan sistem pentadbiran dan negara.

Katanya, sistem demokrasi yang diamalkan Malaysia terbukti berjaya dilaksanakan dengan berkesan sehingga mampu memajukan rakyatnya dan muncul sebagai negara model di kalangan negara membangun.

Koh berkata, kejayaan Malaysia didokong oleh semangat toleransi, menerima hakikat serta menghormati perbezaan yang wujud di antara kaum di negara ini, mengamalkan sistem pemerintahan yang berasaskan demokrasi dan membenarkan rakyat menyuarakan pendapat melalui saluran-saluran yang tertentu.

"Bagaimana orang boleh mengatakan bahawa kita tidak mengamalkan demokrasi sedangkan kita lebih demokratik berbanding dengan negara-negara lain yang kononnya mengamalkan sistem yang sama seperti di Asia, Amerika Selatan dan Amerika Tengah," katanya.

Kebanyakan pemimpin negara itu adalah boneka Amerika Syarikat kerana mereka dipilih dan dipertahankan oleh negara berkenaan (Amerika) dan bukan dipilih oleh rakyatnya sendiri, katanya.

Katanya, Amerika mengamalkan dasar yang tidak konsisten dan menyokong diktator yang boleh menjaga kepentingannya di negara terbabit dan sebab itu ia cuba campur tangan dalam urusan dalaman Malaysia.

"Kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad amat lantang mengkritik dan memperjuangkan nasib negara-negara kecil dan membangun dan kerana itu kita dikecam hebat hanya kerana tidak mahu menjadi "pak turut" dan mengikut telunjuk mereka," katanya.

Beliau menyeru rakyat meluahkan perasaan mereka melalui kempen itu bagi menunjukkan kepada dunia, khasnya Amerika Syarikat supaya tidak campur tangan terhadap urusan negara ini kerana rakyat negara ini mampu mengendalikannya sendiri.

-- BERNAMA

ZU AKD